



**TEKS UCAPAN
YAS TIMBALAN KETUA PENGARAH
(OPERASI)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL
TERPUJI**

**PADA
27 Mac 2014 (Rabu)**

**MASA
9.00 PAGI**

**TEMPAT
DEWAN BAKTI JBPM NEGERI KEDAH**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia,

Terima Kasih di ucapkan kepada Pengacara
majlis,

YS PKPjB Ahmad bin Shahabuddin
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia Negeri Kedah

PPjB Awang Hidzel bin Awang Bujang
Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan
Penyelamat Negeri Kedah

PgKB II Mohd Sallahuddin bin Isa
Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia Perlis

Penolong-Penolong Pengarah Bahagian
Ketua-Ketua Zon,

Ketua-Ketua Balai

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati
sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama di Dewan ini dalam Majlis Penyampaian Sijil Terpuji Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah dan Negeri Perlis.

2. Pada kesempatan ini juga Saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada semua pegawai yang telah dipilih untuk menerima Sijil Terpuji Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, jadikan apa yang

diperolehi pada hari ini sebagai suatu pemangkin untuk terus maju dan yang tidak berjaya jadikan ia contoh dan satu persaingan yang sihat untuk terus maju.

3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah melalui perkembangan yang begitu mendadak sejak kebelakangan ini. Ia merangkumi dari segi pengurusan, teknologi peralatan, suasana kerja dan lain-lain perubahan persekitaran. Sebagai penjawat awam (Pegawai Bomba) kita harus peka dan seiring dengan perkembangan semasa bagi mencapai hasrat Jabatan untuk menjadi sebuah Organisasi berprestasi Tinggi.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian,**

4. Setiap tugas yang diberikan merupakan satu amanah dan perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Selaku penjawat awam, kita mempunyai peranan yang sangat besar dalam memastikan setiap dasar dan agenda nasional direalisasikan. Perasaan tanggungjawab dan akauntabiliti terhadap tugas masing-masing perlu wujud. Harapan ikhlas saya ialah supaya wujud kerjasama dan komitmen dari semua warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam perjalanan kita ke arah visi yang sama.

5. Kerajaan sentiasa menghargai pengorbanan dan usaha penjawat awam dalam meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan. Malah, pelbagai kemudahan dan pengiktirafan telah diwujudkan sebagai satu bentuk penghargaan kepada pegawai dan kakitangan untuk terus memberikan sepenuh perhatian dan daya usaha ke arah mempertingkatkan mutu kerja yang berkualiti tinggi.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Penganugerahan Sijil Terpuji ini bukan hanya sebagai dorongan dan pengiktirafan kepada anggota yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi dalam melaksanakan

atau telah menghasilkan prestasi kerja cemerlang semata-mata. Bahkan dalam skop yang lebih luas, Sijil Terpuji merupakan satu permulaan untuk membudayakan kecemerlangan menyeluruh dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan, khususnya di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

7. Kesungguhan dan komitmen tinggi membawa kepada kecemerlangan perkhidmatan. Kecemerlangan ini boleh kita jadikan sebagai pengukur bahawa Jabatan kita telah berjaya menunaikan amanah dan tanggungjawabnya secara pro-aktif dan berkesan dalam menjayakan proses transformasi negara.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati
sekalian,**

8. Selaku penjawat awam, kita tidak boleh kekal selesa pada sesuatu tahap pencapaian. Kita perlu berhadapan dan menangani perubahan persekitaran. Kita perlu bersedia, berfikiran terbuka untuk melakukan anjakan paradigma yang selari dengan perubahan persekitaran yang terus berlaku. Ekspektasi pelanggan atau rakyat terhadap perkhidmatan awam semakin hari semakin tinggi dan ini sudah tentunya memerlukan kita membuat pembaharuan yang berterusan supaya kita sentiasa responsif, relevan, cekap, cepat dan berkesan dalam memenuhi permintaan dan harapan rakyat.

9. Untuk itu pada majlis yang penuh bermakna ini, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga kerja Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah dan Perlis yang telah bersama-sama bekerja keras dalam memastikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa disegani. Namun, suka saya ingatkan juga pada hari ini, bahawa pencapaian ini merupakan satu cabaran kepada kita semua agar dapat meningkatkan lagi usaha bagi memastikan Jabatan dan kejayaan akan sentiasa terus relevan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian,**

10. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Sijil Terpuji bagi tahun 2013. Saya berharap agar semua yang diraikan hari ini mengekalkan rentak kecemerlangan dan komitmen yang anda telah tunjukkan selama ini, dan terus mendokong usaha Jabatan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.